

## BAB 1

### PENGENALAN

#### **Masalah dan Objektif Kajian**

Sepanjang Perang Vietnam dari tahun 1959 hingga 1975, penyusupan ketenteraan merupakan proses dan strategi paling penting bagi pihak Vietnam Utara untuk meneruskan perjuangannya di Vietnam Selatan. Dua laluan utama telah digunakan bagi tujuan tersebut, iaitu Laluan Ho Chi Minh yang menggunakan sempadan Vietnam-Laos dan Vietnam-Kampuchea untuk menghantar tentera dan bekalan perang ke Vietnam Selatan. Laluan kedua merupakan laluan yang menggunakan jalan laut iaitu Laluan Maritim Ho Chi Minh. Kajian ini akan meninjau beberapa persoalan penting dalam perkembangan penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh sepanjang Perang Vietnam, 1959-1975.

Negara Vietnam telah dipisahkan kepada dua bahagian iaitu Vietnam Utara dan Vietnam Selatan selepas Perjanjian Geneva 1954.<sup>1</sup> Kegagalan Vietnam Selatan mengadakan pilihan raya umum pada tahun 1956 telah menyebabkan Vietnam Utara memulakan penyusupan tentera ke Vietnam Selatan melalui Laluan Ho Chi Minh di darat dan Laluan Maritim Ho Chi Minh pada tahun 1959 untuk menyatukan semula Vietnam.<sup>2</sup>

Kajian ini akan meninjau strategi yang digunakan oleh kerajaan Hanoi dalam proses penyusupan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh. Sehubungan itu, aktiviti

---

<sup>1</sup> Guenter Lewy, *America in Vietnam*, New York : Oxford University Press, 1978, him. 8.

<sup>2</sup> Wilfred Buchett, *Why Viet Nam Fall*, New York : Urizen Books, 1977, him. 59.

penyusupan ketenteraan, sumber tenaga tentera, latihan tentera dan bekalan alat senjata yang merupakan elemen penting akan diteliti. Selain itu, kajian ini juga akan melihat peranan negara komunis seperti Soviet Union dan Republik Rakyat China sebagai pembekal utama alat senjata kepada Vietnam Utara.<sup>3</sup> Peninjauan tentang persoalan strategi ini juga akan melibatkan perbincangan mengenai proses dan tahap-tahap yang berlainan dalam Laluan Maritim Ho Chi Minh.

Kajian ini juga akan melihat kepada keberkesanan penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh. Persoalan tentang sama ada proses penghantaran ketenteraan melalui laluan ini adalah lebih selamat dan menjimatkan masa<sup>4</sup> serta dapat menghindarkan pelbagai jenis penyakit tropika yang dihadapi oleh mereka yang menggunakan laluan darat akan diteliti.<sup>5</sup>

Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan sejak tahun 1961 untuk menyekat aktiviti penyusupan ketenteraan melalui jalan laut,<sup>6</sup> namun usaha mereka tidak begitu berjaya. Ini termasuk program pengeboman udara terhadap Vietnam Utara pada tahun 1965-1968.<sup>7</sup> Tindakbalas dan usaha Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan dalam menangani penyusupan ketenteraan melalui Laluan

---

<sup>3</sup> US, Department of State, *Aggression from the North : The record of North Viet-Nam's Campaign to Conquer South Viet-Nam*, Washington D.C. : Department of State, 1965, hlm. 14-15.

<sup>4</sup> Stanley Karnow, *Vietnam : A History*, New York : Penguin Press, 1984, hlm. 347.

<sup>5</sup> William, S. Turley, *The Second Indochina War, a Short Political and Military History, 1954-1975*, Boulder : Westview Press, 1986, hlm. 44-45.

<sup>6</sup> "Transcript of the Rusk McNamara Appearance before the Joint Committees' Session", 6 Ogos 1964, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>7</sup> A. Baggs, Jr., *Bombing, Bargaining and Limited War : North Vietnam*, Michigan : University Microfilm, 1972, hlm. 3-4.

Maritim Ho Chi Minh akan dibincang dalam kajian ini, khususnya dalam melihat kepada keberkesanan langkah-langkah yang telah dijalankan .

Akhir sekali, sumbangan Laluan Maritim Ho Chi Minh dalam aktiviti penyusupan ketenteraan dan hubungannya dengan sejarah Perang Vietnam akan dinilai.

### **Skop dan Peripenting Kajian**

Kajian ini akan meninjau perkembangan aktiviti penyusupan ketenteraan yang dijalankan oleh Vietnam Utara ke Vietnam Selatan sepanjang Perang Vietnam melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh iaitu dari tahun 1959-1975.

Tahun 1959 diambil sebagai permulaan kajian kerana aktiviti penyusupan ketenteraan Laluan Maritim Ho Chi Minh bermula pada bulan Julai 1959 iaitu dengan tertubuhnya Kumpulan 759 di Vietnam Selatan yang bertanggungjawab menghantar bot ke kawasan utara Zon Bebas Tentera di Vietnam Utara untuk mengambil alat senjata seperti mana yang telah diarahkan oleh Politburo Parti Lao Dong yang memerintah Vietnam Utara.

Berdasarkan kajian-kajian yang sedia ada, hampir kesemuanya membincangkan aktiviti penyusupan ketenteraan melalui Laluan Ho Chi Minh di darat yang melalui sempadan Laos dan Kampuchea. Oleh yang demikian, penulisan ini akan memberi fokus kepada Laluan Maritim Ho Chi Minh yang telah diwujukkan pada bulan Julai 1959 dan dianggap sebagai laluan penyokong kepada Laluan Ho Chi Minh di darat. Laluan

Maritim Ho Chi Minh memainkan peranan yang sangat penting terutamanya pada musim pengeboman udara dari Amerika Syarikat terhadap Vietnam Utara dalam tempoh 1965-1972. Di samping itu, laluan maritim ini adalah lebih sesuai digunakan untuk menghantar peralatan tentera yang besar dan berat ke Vietnam Selatan berbanding dengan laluan darat. Tahun 1975 merupakan tamatnya Perang Vietnam serta tamatnya Laluan Maritim Ho Chi Minh.

### **Kaedah Kajian dan Keterangan Sumber**

Kajian ini disempurnakan melalui kaedah penyelidikan perpustakaan dengan mengkaji bahan-bahan sumber utama dan sumber sekunder. Bahan-bahan utama termasuklah laporan-laporan Agensi Perisikan Pusat, Amerika Syarikat (Central Intelligence Agency / CIA) dan laporan Majlis Keselamatan Amerika Syarikat yang berkaitan dengan perkembangan Vietnam dan Asia Tenggara dari tahun 1946-1980. Sumber utama yang lain seperti dokumen bercetak yang telah diterbitkan juga telah dirujuk. Sementara bahan-bahan sekunder terdiri daripada buku-buku, artikel, jurnal dan ensiklopedia.

Dari segi penggunaan sumber utama, laporan CIA dan laporan Majlis Keselamatan Amerika Syarikat merupakan bahan asas kepada kajian ini. Laporan CIA ini terdiri daripada *CIA Research Reports : Vietnam and Southeast Asia, 1946-1976*<sup>8</sup> dan *Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.<sup>9</sup> Sementara laporan Majlis

---

<sup>8</sup> US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>9</sup> US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.

Keselamatan Amerika Syarikat ialah *US National Security Council Histories : Vietnam*.<sup>10</sup>

Selain itu, sumber utama bercetak dari Amerika Syarikat seperti dokumen Senat Amerika Syarikat *Aggression from the North : The Record of North Viet-Nam's Campaign to Conquer South Viet-Nam*<sup>11</sup> juga dirujuk.

Kebergantungan kepada laporan-lapoaran CIA dan laporan Majlis Keselamatan Amerika Syarikat serta sumber-sumber luar Vietnam adalah disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, kerajaan Hanoi masih belum lagi membuka sumber-sumbernya berkaitan dengan Perang Vietnam kepada dunia luar. Oleh yang demikian, penulis terpaksa merujuk laporan-laporan pihak Amerika Syarikat yang telah dibuka. Kedua, dari segi pensejarahan moden Vietnam. Penekanan telah diberikan kepada Laluan Ho Chi Minh di darat dan tumpuan jarang diberikan kepada proses penyusupan ketenteraan melalui lahan maritim. Buat masa ini, hanya terdapat karya Duy Duc dalam *Vietnam Courier*<sup>12</sup> yang bertajuk "The Maritime Ho Chi Minh Trail" yang memberi satu gambaran umum terhadap proses penyusupan ketenteraan yang penting ini.

---

<sup>10</sup> US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>11</sup> US, Department of State, *Aggression from the North : The record of North Viet-Nam's Campaign to Conquer South Viet-Nam*, Washington D.C. : Department of State, 1965.

<sup>12</sup> Duy Duc, "The Maritime Ho Chi Minh Trail", *Vietnam Courier*, No. 6, 1985.